

Petronas Unjur Keuntungan Sebelum Cukai Tidak Berubah Tahun Ini
Bernama
5 Jun, 2013

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Syarikat minyak nasional, Petronas menjangka keuntungan sebelum cukainya tidak berubah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Dis, 2013, setelah sumbangan yang lebih tinggi dari Kanada dan Uzbekistan akan diimbangi penurunan harga minyak mentah dan sumbangan lebih rendah dari Sudan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan Tan Sri Shamsul Azhar Abbas berkata harga minyak mentah dijangka pada purata kira-kira US\$95-US\$100 setong tahun ini daripada US\$112 setong pada suku pertama tahun ini.

"Ketidaktentuan ekonomi global dijangka membawa kepada keadaan tidak menentu yang berterusan dalam harga minyak dan permintaan minyak dunia yang mungkin mempengaruhi prestasi Petronas," kata beliau pada taklimat media mengenai keputusan kewangan suku pertama Petronas Rabu.

Hadir sama pada taklimat berkenaan ialah Pengerusi Petronas Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan pasukan pengurusan utama syarikat minyak nasional itu.

Shamsul berkata bagi suku pertama yang berakhir pada 31 Mac tahun ini, keuntungan sebelum cukai Petronas susut sedikit kepada RM28.8 bilion daripada RM29.8 bilion pada tempoh sama tahun lepas.

Perolehan bagaimanapun, naik kepada RM76.67 bilion daripada RM75.25 bilion pada suku sama 2012.

"Keuntungan bagi suku berkenaan susut terutamanya disebabkan oleh margin yang lebih rendah hasil daripada perbelanjaan operasi dan bukan operasi yang lebih tinggi, yang sebahagiannya diimbangi oleh pelarasan operasi tidak dijalankan semasa tempoh berkenaan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata perolehan suku pertama mendapat manfaat daripada jumlah dagangan yang lebih bagi minyak mentah dan gas asli berdasarkan permintaan yang kukuh daripada pelanggan serta kesan pengukuhan dolar AS berbanding inggit.

Jumlah aset, kata beliau meningkat kepada RM498.7 bilion sehingga 31 Mac, berbanding RM489.2 bilion pada 31 Dis tahun lepas terutamanya disebabkan keuntungan yang dijana semasa suku berkenaan.

Mengenai penerokaan dan pengeluaran, beliau berkata syarikat berjaya membuat empat penemuan dalam negara dan di luar negara.

"Jumlah pengeluaran bagi suku berkenaan naik kepada 2.15 bilion tong sehari berbanding 2.11 bilion tong sehari pada suku yang sama tahun lepas," katanya.

Mengenai perkembangan lain, Shamsul Azhar berkata pengeluaran semula di Selatan Sudan pada April tahun ini selepas penutupan selama 15 bulan disebabkan pertikaian antara negara itu dan negara jiran Sudan, hanya dijangka pulih kepada 120,000 tong sehari tahun depan.

Beliau berkata operasi Selatan Sudan kini mengeluarkan 200 tong sehari dengan kargo komersial pertama dijangka pada bila-bila masa.

Shamsul Azhar berkata selain daripada Sudan, syarikat dijangka memulakan pengeluaran dari Lembangan Campos Brazil yang terdiri daripada Blok BM-C-39 dan BM-C-40, pada suku keempat tahun ini.

Blok ini yang terletak di perairan yang terletak 95 kilometer luar pesisir Rio De Janeiro, merupakan 40 peratus milik Petronas melalui unit milik penuh Petronas Brasil E&P Limitada.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954340>